

FAKTA TENTANG VIRUS ZIKA



Zika adalah virus yang
disebarkan oleh nyamuk
Aedes (Aegypti)



**Tidak ada ubat atau
vaksin untuk rawatan
wabak ini**



**Wabak ini bermula di
Brazil dan telah merebak
ke 26 buah negara**



Jangkitan ini dikaitkan
dengan **kecacatan otak bayi**
dalam kandungan dan
sindrom saraf



Gejala ini termasuklah
**demam ringan, ruam kulit,
sakit sendi dan
konjunktivitis**, biasanya
sehingga 2-7 hari



Pencegahan jangkitan virus Zika
adalah dengan mengelakkan
daripada gigitan nyamuk.
**Gunakan repellen dan lindungi
kulit dengan memakai pakaian
lengan panjang**



VIRUS ZIKA



Zika adalah virus yang disebarkan oleh nyamuk Aedes, yang juga menyebarkan denggi dan chikungunya.

GEJALA ZIKA



Mata merah



Demam ringan



Sakit kepala dan sakit sendi



Ruam kulit



Kelesuan

PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN SEKIRANYA MENGALAMI GEJALA ZIKA

- Dapatkan rawatan untuk melegakan kesakitan dan demam
- Banyakkan minum air masak
- Dapatkan tidur dan rehat yang cukup
- Pakai baju berlengan panjang dan labuh supaya tidak digigit oleh nyamuk aedes
- Sekiranya tanda-tanda semakin teruk atau berlaku komplikasi, **segeralah dapatkan rawatan lanjut terutamanya bagi wanita hamil**

BAGAIMANA UNTUK MENGELAK DARI DIJANGKITI

Menjaga kebersihan persekitaran dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes dapat mengurangkan risiko jangkitan virus Zika, chikungunya atau demam denggi.



Gejala penyakit biasanya mengambil masa 2 hingga 7 hari selepas individu digigit oleh nyamuk Aedes Aegypti



1 daripada 4 orang yang dijangkiti virus Zika akan menunjukkan gejala-gejala tersebut



Tiada vaksin untuk merawat virus Zika



1. Buang air yang bertakung di dalam tayar-tayar buruk, alas pasu bunga, botol dan bekas yang boleh menampung air

2. Tutup semua bekas tadahan air. Sekiranya terpaksa menadah air, masukkan bahan pembunuh jentik-jentik



3. Pastikan sampah-sarap dibuang ke dalam beg sampah dan tong sampah yang bertutup rapat



4. Pakai seluar panjang dan baju lengan panjang

5. Gunakan repellen dan semburan aerosol serangga untuk menghalau nyamuk



6. Gunakan skrin atau langsir yang telah dirawat racun serangga nyamuk untuk menutup tingkap dan pintu.

7. Tidur di tempat yang dilindungi oleh kelambu



Kementerian Kesihatan Malaysia



KKMPutrajaya



KementerianKesihatanMalaysia



Kementerian Kesihatan Malaysia

SITUASI TERKINI ZIKA DI MALAYSIA.

Bermula dari 1 September hingga 14 September 2016, sebanyak **enam (6) kes** yang disahkan **positif** Zika di seluruh negara. Bagi tempoh sama, pemantauan KKM juga mendapati sebanyak 68 kes yang mempunyai tanda-tanda Zika telah dilaporkan, namun kesemua mempunyai keputusan ujian yang negatif.

Pusat Kesihatan ingin mengingatkan semua warga UTeM terutamanya wanita hamil, agar melindungi diri dari gigitan nyamuk Aedes dengan menggunakan repelen atau pakaian cerah serta menutup anggota badan. Penggunaan aerosol juga digalakkan di dalam rumah terutama di bawah meja, belakang langsir atau tempat-tempat yang gelap. Semburan aerosol boleh dilakukan pada waktu nyamuk aktif menggigit iaitu di antara 5 hingga 7 pagi dan 5 hingga 7 petang. Bagi individu yang mengalami gejala seperti demam, ruam dan konjunktivitis serta mempunyai sejarah melawati kawasan yang melaporkan Zika perlu berjumpa doktor dengan segera.

Tiada Aedes, Tiada Zika dan Denggi.